**NO. SOALAN : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** |
| **TARIKH** | **:** | **10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

**YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan bilangan rumah yang mendapat bekalan elektrik menurut negeri dan usaha terkini Kementerian memastikan bekalan elektrik untuk setiap rumah di Sarawak terutama sekali di kawasan pedalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berkaitan bilangan rumah yang mendapat bekalan elektrik sehingga September 2020, sebanyak 8,795,900 rumah di Malaysia telah mendapat bekalan elektrik dengan pecahan berikut:

(i) 7,674,401 rumah di Semenanjung;

(ii) 528,020 rumah di Sabah; dan

(iii) 593,479 rumah di Sarawak.

2. Dalam usaha memastikan bekalan elektrik untuk setiap rumah di Sarawak terutama sekali kawasan pedalaman, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar KPLB dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) dan Sarawak Energy Berhad (SEB) akan meneruskan pelaksanaan projek-projek bekalan elektrik luar bandar sama ada melalui penyambungan talian grid atau kaedah alternatif seperti solar, solar hybrid dan hidro bagi kawasan pedalaman.

Sekian, terima kasih.